

11/10/1997

30 tenaga mahir bakal jadi rebutan

Ibrahim Muhamad

KERAJAAN negeri menaruh harapan yang tinggi kepada Institut Latihan Teknikal Lanjutan Terengganu (Tati) dalam melahirkan tenaga profesional dalam bidang teknikal bagi memenuhi keperluan tenaga kerja berasaskan industri di negara ini.

Keperluan tenaga kerja mahir dalam bidang berkenaan diberi perhatian serius kerana pengisiannya akan menjadi pemangkin dan memberi sokongan kepada sektor industri yang berkembang pesat di Terengganu dan seluruh negara amnya.

Kelahiran Tati di tengah-tengah kepesatan pembangunan industri berasaskan kemahiran teknikal moden amat kena pada masa dan menjadi harapan besar ia akan berkembang seiring dengan pembangunan Terengganu yang sedang menuju fasa kedua.

Bermula pada 1994 Tati kini sudah mula mengeluarkan 30 tenaga mahir buat kali pertama baru-baru ini dan ia dianggap satu kejayaan yang amat memberangsangkan terutama kepada kerajaan negeri dan pengurusan Tati sendiri.

Tiga puluh pelatih itu membabitkan enam pelatih dalam bidang Teknologi Maklumat (IT), Mekatronik (lima orang), Rekabentuk Tool & Die (lapan orang), Pembuatan Peralatan dan Acuan (11 orang).

Kelahiran mereka memasuki pasaran buruh menjadi kayu pengukur penting kepada Tati dalam usaha mengeluarkan tenaga kerja dalam bidang teknikal yang diperlukan terutama di kalangan Bumiputera negeri ini dan seluruh negara.

Tidak hairanlah kerajaan negeri sanggup menyediakan peralatan yang canggih dan pertama di Malaysia bagi melahirkan tenaga kerja yang benar-benar dapat memenuhi permintaan pasaran tenaga kerja yang tiada tandingannya.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Sains, Teknologi, Sumber Manusia dan Pengajian Tinggi negeri, Datuk Dr Abdul Latif Awang, berkata peralatan yang ada di Tati tidak ada di tempat lain di negara ini.

Tati menyediakan kursus yang diwujudkan dengan bantuan Sekolah Kejuruteraan St Gallen (ISG) Switzerland. Skim peperiksaan ISG diiktiraf oleh semua negara Eropah.

"Pada masa kini Tati menyediakan kursus seperti CAD/CAM, pro engineer, autocad, Pnuematic & hydraulics, elektronik, fiziks dan makmal teknologi maklumat."

"Bengkel Tati pula dibekalkan dengan peralatan dan jentera seperti CNC-Milling, Turning, EDM (Die Sinking), EDM/Wire Cut), Coordinate Measuring Machine, Profile Projector dan Tool Maker Microscope," katanya.

Peralatan itu membolehkan tenaga mahir yang dilahirkan dapat mengisi kehendak sektor perindustrian yang semakin canggih dan berpengalaman dalam kerja yang diperlukan.

Bukan setakat itu, katanya, beberapa program baru dan tambahan sedang dirancang sama ada mengadakan program berkembar dengan pusat pengajian tinggi terkenal di seluruh dunia dan memperkenalkan pelbagai program baru yang boleh membantu mempertingkatkan kemahiran pelatih.

Beberapa pusat pengajian tinggi yang dikenal pasti termasuk dengan United Kingdom, Australia dan Amerika Syarikat dengan pengajian ke peringkat sarjana muda dan sarjana.

Bagi memastikan keperluan tenaga kerja tercapai selaras dengan matlamat penubuhannya, Tati akan mengadakan program secara bersama dengan beberapa

syarikat korporat dan menjalankan kursus khas di peringkat antarabangsa.

Dengan adanya makmal, peralatan serta kerjasama yang erat dengan pusat pengajian tinggi serta korporat tempatan, Tati yakin dapat mengeluarkan tenaga yang berkualiti, bermotivasi, berdaya saing dan sedia memasuki pasaran buruh yang lebih global.

Kerajaan negeri tidak hairan sekiranya tenaga mahir yang dikeluarkan Tati nanti akan menjadi rebutan oleh syarikat gergasi dunia dalam bidang teknikal, kata Dr Latif.

Tati juga akan menjadi pembekal utama di dalam pembuatan acuan dan peralatan di negara ini sekurang-kurangnya mendapat pengiktirafan ISO 9001 yang selama ini banyak ditumpukan di Taiwan dan Jepun.

Kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan pusat itu, hari ini menambahkan lagi daya usaha Tati untuk terus memberi tumpuan kepada kelahiran tenaga mahir bertaraf antarabangsa.

(END)